

Headline	TLHT raih kemenangan bergaya		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	40
ArticleSize	418 cm²	Journalist	ZUBIR SULAIMAN
PR Value	RM 8,784		



TLHT raih kemenangan bergaya

Berjaya kembalikan reputasi pasukan selepas kecundang ke atas PKS Uniten

ZUBIR SULAIMAN

KUALA TERENGGANU - Pasukan Hoki Wanita Terengganu (TLHT) berjaya mencipta kebangkitan selepas ketinggalan 0-1 ke atas UITM untuk meraih kemenangan bergaya 4-1 dalam aksi pusingan kedua Liga Hoki Malaysia-Wanita 2018 yang berlangsung di Stadium Hoki, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), semalam.

Berasik di gelanggang sendiri, skuad kendalian Muhammad Harun Al-Rashid Samri sedikit bergelut dalam melakukan asakan ke gawang pelawat apabila kem UITM terlebih dahulu turut gerakan bertali arus mencari jaringan pembukaan.

Bagaimanapun, gerakan solo pemain kebangsaan, Siti Rahmah Othman hampir membuka tirai jaringan tuan rumah pada minit ke-9, namun percubaan luar kotak penaltinya mudah ditepis keluar penjaga gawang UITM.

Bersambung suku kedua, kem tuan rumah mula memperbaiki aksi sebenar apabila turus melakukan asakan ke kubu pertahanan pelawat dan berpeluang untuk menamatkan kebuntuan gol menerusi me-

INFO

• Kem tuan rumah beraksi cemerlang dengan meraih keputusan 4-1

dua percubaan kemas Norazlin Sumantri (minit 16) dan Rabiatu Adawiyah Mohamad (minit 17), namun gagal menepati sasaran.

Skuad kendalian Iman Gobinathan yang terus mempertahankan benteng pertahanan ternyata memberi sedikit kesukaran untuk kem tuan rumah melepasigawang UITM dan peluang keemasan TLHT untuk berada di depan hadir pada minit ke-29 menerusi pukulan sudut penalti, namun gagal disempurnakan dengan kemas Juliani Muhammad Din.

Suku ketiga perlawanan memperlhatkan kem pelawat bagaimanapun gagal disempurnakan untuk mencapai rentak permainan dan berjaya menamatkan kebuntuan gol menerusi gol padang dilakukan Nurfatih Dizana Mohd Zaidi selepas bijak mengelirukan penjaga gawang TLHT pada minit 33 untuk membawa UITM di depan.

Tuan rumah yang cuba bangkit mencari jaringan penyamaan me-



Aksi pemain TLHT yang cuba menyekat kemaraan UITM pada suku kedua saingan Liga Hoki Malaysia-Wanita 2018 yang berlangsung di Stadium Hoki MBKT, semalam.

nerusi dua pukulan sudut penalti bagaimanapun gagal disempurnakan oleh Juliani Muhammad Din pada minit 39 dan 41, sekali gus menyaksikan TLHT terus tertekan dalam meledakkan gol.

Kerja keras kem tuan rumah dalam mencari jaringan penyamaan akhirnya tertuna apabila Juliani berjaya menewaskan penjaga gawang

UITM menerusi pukulan sudut penalti pada minit 52 untuk kedudukan 1-1.

Dua minit selepas itu, Juliani sekali lagi menceriakan kem tuan rumah apabila menjaring gol kedua menerusi penalti strok untuk membawa THT berada di depan sebelum Tuan Nur Hidayah Tuan Ismail meledakkan gol ketiga hasil jaringan

padang seminit selepas itu.

Seminit sebelum tamat perlawanan, TLHT terus melebarkan jaringan menerusi gol keempat disempurnakan Norfatih Nabila Mohamad hasil pukulan sudut penalti untuk meraih kemenangan mutak sekali gus mengembalikan reputasi pasukan selepas kecundang ke atas PKS Uniten 1-4, Ahad lalu.